

ASAL USUL BAHASA, TAMADUN MANUSIA DAN PERKAITAN DENGAN RUMPUN BANGSA & BAHASA MELAYU

**Profesor Madya Dr. Solehah Yaacob
Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan
Kulliyah Ulum al-Wahyu & Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

ABSTRAK

Teori perdebatan tentang asal usul penghijrahan rumpun Austronesia ke Asia Tenggara di kalangan bijak pandai masih lagi tidak sependapat. Kemungkinan dan andaian sentiasa menjadi bahan terakhir konklusi mereka. Penulis melihat kekurangan kajian yang ada perkaitan dengan asal usul manusia yang bermula di Timur Tengah itu tidak cuba dikaitkan oleh para bijak pandai. Justeru, teori-teori yang dikeluarkan tentang asal usul bangsa Austronesia di Alam Nusantara masih samar-samar. Untuk meneroka purba Alam Nusantara, pihak penulis cuba mengaitkan kejadian manusia berdasarkan Al-Quran dan perbezaan dengan Homo Erektus. Kemudian, penghijrahan manusia telah bermula 10,000 hingga 8000 tahun dahulukala sebelum Masehi apabila berlaku perubahan cuaca yang melampau di Semenanjung Arab. Pengaruh Bahasa Sanskrit juga merupakan titik asas perbincangan dasar di dalam kertas kerja ini. Untuk menghasilkan perbincangan ilmiah dan tuntas, penulis telah mengambil pendekatan analisa dan kritik. Penulis percaya, kertas kerja ini serba sedikit berpeluang memberi alternatif terhadap maklumat yang sedia ada.

KataKunci: Sejarah dan Bahasa, Manusia dan peradaban, Austronesia dan Melayu

BAHASA DARI SUDUT TAKRIF AHLI BAHASA

Pentakrifan bahasa di antara Islam dan Barat mungkin ada perbezaan apabila ulama-ulama Islam membahagikan bahasa kepada dua peringkat; bahasa yang diperolehi hasil dari wahyu dan bahasa yang diperolehi hasil dari konvensyen atau disebut sebagai persetujuan para ulama atau bijak pandai untuk memberi nama atau panggilan kepada sesuatu benda atau perbuatan. Ibn Faris (As-Sahibu, t.t : 6) menyebut:

"إن لغة العرب توقيف، ودليل ذلك قوله جلّ ثناؤه ﴿ وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ﴾ فكان ابن عباس يقول: علمه الأسماء كلّها وهي هذه الأسماء التي يتعارفها الناس، من دابة وأرض وسهل وجبل وحمار وأشباه ذلك من الأمم وغيرها".

(Bahawasanya bahasa Arab adalah wahyu, sebagaimana yang telah disebut oleh Allah Azza Wajalla yang telah mengajarkan kepada Adam kesemua nama-nama yang terdapat di syurga, langit dan bumi. Ini telah diperkuatkan lagi dengan kenyataan Ibn Abbas berkata bahawa semua nama-nama tersebut telah dikenali oleh manusia dari haiwan yang melata di bumi, gunung-ganang binatang seperti keldai dan sebagainya yang diakui oleh setiap ummah di setiap zaman)

Adapun Ibn Jinni (Al-Khasais 1952: 51) , murid kepada Ibn Fāris pula berpendapat bahawa kebanyakan ulama melihat bahasa merupakan satu bentuk identiti yang dibentuk oleh konvensyen atau pemesyuaratan sejagat oleh ahli-ahli bijak pandai:

"هذا موضع محوج إلى فضل تأمل، غير أن أكثر أهل النظر على أصل اللغة إنما هو تواضع واصطلاح لا وحي

وتوقيف"

Bermaksud: (Ini merupakan subjek yang kurang diberi pendedahan oleh kebanyakan ahli fikir, yang mana kebanyakan dari mereka menganggap asal-usul bahasa bertujuan untuk menentukan nama perkataan dan sebagainya, oleh itu takrifan bahasa bagi golongan ini bukanlah ilham atau wahyu).

Beliau menambah lagi:

وَذَهَبَ بَعْضُهُمْ إِلَى أَنَّ أَصْلَ اللُّغَاتِ كُلِّهَا إِنَّمَا هُوَ مِنَ الْأَصْوَاتِ الْمَسْوَعَاتِ، كدوى الريح، وحنين الرعد، وخرير

الماء، وشحيج الحمار، ونعيق الغراب، وصهيل الفرس، ونتريب الظبي، ونحو ذلك، ثم وَلَدَتْ اللُّغَاتُ عَنْ ذَلِكَ

فِيمَا بَعْدَ، وَهَذَا عِنْدِي وَجْهٌ صَالِحٌ، وَمَذَهَبٌ مُسْتَقْبَلٌ

Bermaksud: (Sesetengah daripada mereka mengatakan bahawa asal-usul semua bahasa adalah daripada bunyian yang didengar seperti desiran angin, dentuman guruh, kerucik air, ringkikan keldai, gauan gagak, ringkikan kuda, lenguhan rusa dan selainnya. Kemudian terlahirlah bahasa-bahasa hasil dari bunyian-bunyian tersebut. Bagi saya, ia adalah pandangan yang betul dan pandangan ini diterima).

Kenyataan ini amat menyerupai pandangan Aristotle (1971: 44). dalam *De Interpretatione* yang beranggapan bahawa bahasa terhasil dari konsep konvensyen;

“I say ‘by convention’ because no name is a name naturally but only when it has become a symbol. Even inarticulate noises (of beasts for instance) do indeed reveal something, yet none of them is a name”

Bermaksud: (Saya katakan ia adalah ‘konvensyen’ kerana tiada nama dalam bentuk semulajadi tetapi yang wujud hanyalah simbol. Bahkan bunyi yang tidak jelas sebutannya (misalnya bunyi serangga) memang mengungkapkan sesuatu, namun tidak satu pun dari mereka adalah nama).

Dari kenyataan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sesuatu yang terhasil secara semulajadi itu tidak bernama, yang wujud hanyalah bunyi yang terbit secara semulajadi yang terhasil apabila terdapat tekanan atau desakan.

Selain itu jika ditelusuri pendapat Barat bahawa bahasa pertuturan dan penulisan pada asalnya adalah sesuatu yang tidak dapat dibilang, kemudian sistem dicipta untuk membolehkan bahasa itu digunapakai dalam bentuk yang terkategori atau finit. Justeru, konsep tatabahasa berperanan menyusunnya sebagaimana yang telah disebut oleh Noam Chomsky (1976: 13) di dalam bukunya ‘*Syntactic Structures*’:

‘From now on I will consider a language to be a set (finite or infinite) of sentences; each finite in length and constructed out of a finite set of elements. All natural languages in their spoken or written form are languages in this sense, since each language has a finite number of phonemes (or letters in its alphabet) and each sentence is representable as a finite sequence of these phonemes (or letters), though there are infinitely many sentences’.

Bermaksud: (Bagi saya Bahasa merupakan satu set atau rangkuman yang terbatas dan tidak terbatas. Yang mana set rangkuman ini telah terhasil dari pembentukan secara semulajadi

bahasa itu sendiri samada dalam bentuk lisan atau simbol dalam penulisan. Ini terjadi kerana setiap bahasa mempunyai jumlah fonem yang terhad iaitu huruf dalam abjad. Namun fonem ini boleh menjadi tak terhingga (infinite) apabila berlaku penggabungan suku kata di antara fonem-fonem tersebut, hasilnya adalah ketidakterbatasan dalam ciptaan perkataan atau kalimah berlaku). Oleh itu jika dilihat takrifan Bahasa dari kedua-dua pendapat ini, pembahagian konsep takrifan Bahasa dalam Islam boleh dibahagikan kepada Bahasa yang terhasil dari kata-kata Tuhan dan Bahasa yang terhasil dari kata-kata yang telah dicipta oleh manusia. Manakala Barat melihat konsep Bahasa dalam bentuk yang lebih fokus kepada pembentukkan perkataan. Pandangan ini penulis melihat ianya agak sempit apabila Bahasa itu hanya berdasarkan kepada sesuatu teknik pembuatan yang tidak disusuli oleh falsafah ketuhanan atau dalam erti kata lain ianya terlalu bersifat materialistik atau *maddi*. Chomsky cuba kaitkan konsep Bahasa ini dengan pemikiran sebagaimana beliau melihat Bahasa lah yang dapat menggambarkan pemikiran seseorang dan tulisan merupakan symbol terhadap perkataan yang diucap yang telah melalui proses pemikiran seperti mana yang disebut oleh Aristotle (1971: 43);

Now spoken sounds are symbols of affections in the soul, and written marks symbols of affections in the soul, and written marks symbols of spoken sounds. And just as written marks are not the same for the men, neither are spoken sounds. But these are in the first place signs of -affections of the soul- are the same for all; and what these affections are likenesses of - actual things – are also the same. These matters have been discussed in the work on the soul and do not belong to the present subject.

Bermaksud: (Kata-kata lisan adalah simbol pengalaman mental dan kata-kata bertulis adalah simbol kata-kata yang diucapkan. Sama seperti semua orang tidak mempunyai tulisan yang sama, jadi semua orang tidak mempunyai suara yang sama, tetapi pengalaman mental yang secara langsung melambangkan bahasa, adalah sama untuk semua, ia juga adalah perkara-perkara yang melambangkan pengalaman kita dalam bentuk gambar dan simbol). Justeru,

hubungan di antara bahasa dan pemikiran adalah asas kepada pembentukkan peradaban manusia. Ini akan terhasil sekiranya percaturan perkembangan pemikiran masyarakat atau Ummah mempunyai hubungan sosial yang jitu dalam melibatkan agama atau kepercayaan dan kuasa politik serta ekonomi.

Al-Quran Adalah Sumber Primer Dalam Membuktikan Bahawa Bahasa Syurga Adalah Bahasa Arab

Perdebatan tentang Bahasa pertuturan Adam A.S ketika berbicara dengan Allahu Azza Wajalla di kalangan ahli sejarah purba dan ahli bahasa adalah perdebatan yang berterusan. Bagi mereka dalil-dalil tidak seharusnya diterima bulat-bulat, ini memandangkan kenyataan yang terdapat di dalam al-quran hanyalah perbualan yang telah disadur atau yang telah terjemahkan kepada bahasa Nabi Muhammad saw itu sendiri iaitu Bahasa Arab. Justeru sekiranya itulah dakwaan mereka, maka kita berhak mengkaji dan meneliti ayat-ayat di dalam al-quran terutama yang melibatkan perbualan Nabi Adam a.s dengan Allahu Azza Wajalla, perbualan Nabi Musa a.s dengan Allah Azza Wajalla di Bukit Tur Sina, perbualan Nabi Muhammad saw dengan Malaikat Jibril begitu juga arahan dari Allahu Azza Wajalla kepada Nabi Muhammad saw dan penceritaan Quran tentang Nabi-nabi terdahulu serta bahasa pertuturan mereka berdasarkan kajian sejarah dan bukti korpus linguistik. Situasi ini menjadi lebih meyakinkan apabila dalam beberapa surah terdapat beberapa bukti yang boleh diketengahkan antaranya Surah al-Baqarah ayat 30-38:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ

نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (30) وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ

فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ ۖ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (31) قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا ۚ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ

الْحَكِيمُ (32) قَالَ يَا آدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ ۖ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ
 وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ (33) وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى
 وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ (34) وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا
 تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ (35) فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ ۖ وَقُلْنَا اهْبِطُوا
 بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ (36) فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ ۗ
 إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ (37) قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبَعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ
 وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (38)

Maksudnya: “(30) Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui". (31) Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!"(32) Mereka menjawab: "Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".(33) Allah berfirman: "Hai Adam, beritahukanlah kepada mereka nama-nama benda ini". Maka setelah diberitahukannya kepada mereka nama-nama benda itu, Allah berfirman: "Bukankah sudah Ku-katakan kepadamu, bahwa sesungguhnya Aku mengetahui

rahasia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?"(34) Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam," maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir. (35) Dan Kami berfirman: "Hai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu surga ini, dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik dimana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim. (36) Lalu keduanya digelincirkan oleh syaitan dari surga itu dan dikeluarkan dari keadaan semula dan Kami berfirman: "Turunlah kamu! sebagian kamu menjadi musuh bagi yang lain, dan bagi kamu ada tempat kediaman di bumi, dan kesenangan hidup sampai waktu yang ditentukan". (37) Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. (38) Kami berfirman: "Turunlah kamu semuanya dari surga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, maka barang siapa yang mengikuti petunjuk-Ku, niscaya tidak ada kekhawatiran atas mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati".

Cuba perhatikan pada ayat 2:30:

﴿قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ، قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Perkataan أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ, أَتَجْعَلُ di kedudukan tahap atau *maqam* pertama tanpa dihalang oleh pihak ketiga. Perbualan di antara kedua belah pihak ini telah berlaku secara langsung atau disebut sebagai *first layer conversation*. Penggunaan *fi'il amar* jika ditelusuri kaedah nahu Arab terdapat kekuatan di dalam perbualan itu memandangkan laras bahasa yang digunakan adalah arahan. Dalam mana-mana Bahasa di dunia, sekiranya terdapat unsur *command* ia bukanlah tafsiran atau maksud perkataan yang telah diubah suai. Tambahan pula dalam perbualan tersebut terdapat laras

bahasa pertanyaan *أَتَجْعَلُ* yang bermaksud `bukankah kamu (Allah) telah menjadikan makhluk di atas muka bumi ini dan mereka itu melakukan kerosakkan dan menumpahkan darah? Sedangkan kami (Malaikat) bertasbih dan memuji engkau? Maka jawapan Allah kepada malaikat yang bertanya `Aku lebih mengetahui apa yang kamu tidak ketahui. Dilihat dari sudut linguistik, perbualan ini ternyata telah berlaku di dalam Bahasa Arab fushah memandangkan penggunaan nahu dan sorof yang cukup tepat maksudnya, penggunaan hamzah *أ* sebagai tanda soal sesuai digunakan pada persoalan tersebut. Jika dianalisa penggunaan hamzah *أ* itu tepat berbanding penggunaan hal *هل* ini kerana bahkan penggunaan unsur makna nahu adalah tepat, sebagaimana disebut oleh Sibawaih(1999) penggunaan hamzah *أ* bermaksud menafikan *isbaat* keadaan semasa atau yang wujud pada ketika itu iaitu Allahu Azza Wajalla telah menciptakan makhluk-makhluk yang mana mereka itu melakukan pertumpahan darah, namun penciptaan makhluk yang baru ini adakah bakal menumpahkan darah juga! Penggunaan hamzah *أ* menafikan perkara yang sama akan berlaku kepada makhluk yang baru ini. Bagi memperkuat lagi maksud penggunaan hamzah *أ* ini di dalam laras bahasa pertanyaan contoh lain dari surah al-Araf ayat 28 ﴿أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾ juga memberi maksud konsep yang sama iaitu pertanyaan yang menafikan ke`Adaan atau dalam bahasa mudah ia merupakan pertanyaan memperli. Adapun Ibn Hajib (1986) dalam kitabnya `al-Idhah Fi Sharh al-Mufassal Li Zamakhshari` menegaskan lagi bahawa penggunaan hal *هل* tidak sesuai pada ketika ini, memandangkan ia membawa makna *قد* yang menunjukkan sudah berlaku atau pasti sudah berlaku. Contoh selain dari Quran (هل زيدا ضربت) adalah sama maksudnya (قد زيدا ضربت) yang bermaksud telah `sesungguhnya kamu telah memukul Zaid`. Justeru itu penggunaan hamzah *أ* adalah tepat kerana ia bukan bermaksud untuk mengiyakan apa yang telah berlaku.

Persoalannya bagaimana ayat ini diturunkan? Adakah melalui Jibril seperti dalam surah al-A'laq. Mengikut pandangan ahli Sunnah wa al-Jama`ah ayat ini ditujukan terus kepada

Rasulullah SAW iaitu dengan maksud `Dan sebutlah Muhammad ketika atau takala telah berkata Tuhan mu kepada malaikat: Aku sedang menjadikan seorang khalifah di bumi. Namun begitu Ibn Kathir berpendapat bahawa خليفة itu bermaksud banyak atau jama` iaitu خلائف. Dari ayat di atas bolehlah dibuat konklusi bahawa ayat ini telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW terus tanpa wakil iaitu melalui Malaikat. Ini boleh dikaitkan dengan hadith Rasulullah SAW apabila ditanya oleh Harith bin Hisyam tentang wahyu itu datang dalam bentuk yang berbeza; 'Wahai Rasulullah, bagaimanakah wahyu itu datang kepadamu? Beliau menjawab 'kadang-kadang ia datang seperti bunyi loceng, dan itu adalah yang paling sukar untuk saya, maka ia meninggalkan saya untuk mengekalkan apa yang dikatakannya. Dan kadang kala malaikat mendekati saya dalam bentuk manusia dan bercakap dengan saya, dan saya mempertahankan apa yang dia katakan`. Jika diperhatikan dari kenyataan diatas maka fahamlah kita bahasa perantaraan Nabi Muhammad SAW dengan kuasa ghaib itu di dalam Bahasa Arab, ini ternyata tidak dapat disangkal apabila wahyu yang diturunkan di dalam surah al-Alaq adalah perbualan Nabi Muhammad SAW dan Malaikat Jibril di dalam Bahasa Arab fushah berlaku secara langsung:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (1) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (2) اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (3) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (4) عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (5) كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَيْطَغِي (6) أَنْ رَأَاهُ اسْتَغْيَا (7) إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجْعَىٰ (8) أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَىٰ (9) عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ (10) أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَىٰ الْهُدَىٰ (11) أَوْ أَمَرَ بِالْتَّقْوَىٰ (12) [سورة العلق:

[12-1

﴿Maksudnya: (1) Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan, (2) Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. (3) Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, (4) Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam, (5) Dia mengajar kepada

manusia apa yang tidak diketahuinya. (6) Ketahuilah! Sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas, (7) karena dia melihat dirinya serba cukup. (8) Sesungguhnya hanya kepada Tuhanmulah kembali(mu). (9) Bagaimana pendapatmu tentang orang yang melarang, (10) seorang hamba ketika mengerjakan shalat, (11) bagaimana pendapatmu jika orang yang melarang itu berada di atas kebenaran, (12) atau dia menyuruh bertakwa (kepada Allah)?

Sekali lagi *fi`il amar* digunakan memberi isyarat tiada perantara bagi kedua-dua belah pihak yang menuturnya. Perbualan tanpa perantaraan ini jelas dapat digambarkan ketika kita melakukan solat lima waktu adalah di dalam Bahasa Arab fushah, andaikata bahasa selain dari Bahasa Arab fushah dilafazkan ketika solat maka solat tersebut tidak sah. Ini amat jelas bahawa Bahasa Tuhan Rabbul al-Jalil adalah Bahasa Arab fushah. Persoalan yang timbul, Adakah bahasa Nabi-nabi terdahulu juga di dalam Bahasa Arab? Dan adakah Bahasa ini merupakan Bahasa perantaraan di antara Tuhan Rabbul al-Jalil dan Nabi-nabi yang lain? Bagaimana pula kenyataan Orientalis bahawa Bahasa Arab hanya muncul dua kurun sebelum Kelahiran Nabi Muhammad SAW? Ternyata kenyataan penulis mengenai bahasa percakapan dengan Tuhan Rabbul al-Jalil adalah Bahasa Arab akan dipandang serong oleh sesetengah pihak. Justeru, penulis berhak membawa minda pembaca ke alam percaturan Bahasa purba Mesopotamia yang telah dicanai oleh Barat atau Orientalis.

PENDEDAHAN ANATOMI MERUPAKAN BUKTI TERHADAP PERBEZAAN HOMO EREKTUS DAN HOMO SAPIENS DARI SUDUT PENERIMAAN BAHASA

Teori Darwin yang mendakwa bahawa manusia berasal dari keturunan kera yang telah melalui beberapa proses evolusi ternyata tidak benar sama sekali, malah ramai ahli sains samada dari

kalangan Muslim atau bukan Muslim mempertikaikan kebenaran teori tersebut. Pada pertengahan abad yang ke-20, teori ini sudah tidak digunakan lagi. Penerangan tentang kejadian manusia yang telah dihuraikan oleh Al-Quran ternyata lebih jelas dan logik, apabila Allah menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami, di samping huraian yang berbentuk satu persatu dan disertakan dengan hujah-hujah yang mudah diterima akal. Ahli sains membahagikan makhluk pada peringkat awal kejadian manusia kepada dua jenis; *homo erectus* dan *homo sapien*. *Homo erectus* dipercayai wujud lebih awal daripada *homo sapien*, dan berkemungkinan adalah makhluk yang sentiasa melakukan pertumpahan darah di atas muka bumi ini sebagaimana yang telah disebut dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 30.

Perbincangan hangat yang sering diutarakan dalam isu bahasa adalah tentang bahasa apakah yang paling awal dituturkan di atas muka bumi ini? Siapakah penuturnya yang terawal? Sekiranya dia atau ia merupakan Homo Erektus maka penggunaan bahasanya adalah terhad ini memandangkan DNA makhluk ini berbeza dengan DNA Homo Sapien atau disebut sebagai 'Manusia' (Maurice Bucaille, 2002: 11). Justeru itu perbezaan yang ketara ini perlu diperjelaskan memandangkan isu ini sering disalah fahami oleh kebanyakan pengkaji. Ahli Bahasa moden percaya bahawa segala kajian bahasa terhadap sebutan perkataan dan penulisan merupakan kajian ke atas Homo Sapien dan bukannya Homo Erektus. Barat melihat Homo Erektus merupakan penghubung generasi kepada Homo sapiens, bahkan dakwaan dan bukti yang dikemukakan berdasarkan sampel-sampel yang ditemui di beberapa tempat di dunia ini seperti Trinil di Jawa Indonesia (*Homo Floreslensis*), Peking di China (*Peking Man*), Afrika Selatan, Olduvai Gorge di Tanzania dan Basin di Kenya (*Homo Ergaster*), Kaukasas, Sepanyol dan Itali (*Homo Heidelbergensis*). Sampel-sampel fosil yang ditemui ini seperti tengkorak dan rangka ternyata ada iras pembentukkan Homo Sapiens, namun ia tidak sepenuhnya (Emma Groeneveld, 2017, Jan 18, http://www.ancient.eu/Homo_Erectus//). Gelaran Homo Erektus ini

boleh dikatakan kesimpulan terakhir arkeologi Barat terhadap kesemua sampel-sampel yang telah ditemui di seluruh dunia. Adapun aliran Darwin berpendapat Homo Erektus (antaranya terkategori di dalam Homo Neanderthal dan Homo Denisovans) ia telah berevolusi maka terbentuklah Homo Sapiens. Mengikut catatan arkeologi Barat lagi tahap DNA Homo Erektus ini berusia lebih kurang 25 juta sehingga 1.75 juta tahun. Ternyata pembahagian usia yang telah kemukakan oleh Barat ini mengambil masa yang terlalu jauh dengan kejadian Adam a.s sepertimana yang telah disebut di dalam perjanjian lama (Genesis: 26). Satu persoalan yang perlu dikemukakan bahawa sekiranya Homo Sapiens ini hasil dari rentetan keturunan Homo Erektus, mengapakah Bible tidak meletakkan genealogi pembahagian manusia bermula dari Homo Erektus? Kenapa genealogi tersebut bermula dengan Homo Sapiens yang pertama Iaitu Adam a.s? Sekiranya pertanyaan ini dapat membongkar beberapa persoalan yang telah lama tidak dijawab, izinkan penulis membuat perbandingan di antara kedua-dua entiti ini berdasarkan kebolehan berbahasa. Ahli bahasa percaya bahawa setiap pergerakan di antara satu entiti ke entiti yang lain itu mempunyai bunyi terutamanya apabila berlaku aktiviti-aktiviti tertentu. Namun untuk memastikan bahawa adakah telah berlaku perbualan atau wujud pengeluaran bunyi di antara entiti-entiti itu, kita tidak tahu. Tapi apa yang jelas terdapat elemen atau unsur-unsur sosial telah berlaku sebagai bukti terdapat unsur mencipta api untuk memasak, mencari makanan seperti berburu dan menangkap ikan selain itu juga terdapat pembuatan alat-alat seperti pisau yang ditajamkan dari batu. Aktiviti-aktiviti ini sudah tentu memerlukan bunyi dan pergerakan dalam bentuk berkelompok. Namun begitu sekiranya unsur bunyi telah berlaku, maka bahasa apakah yang telah dipertuturkan untuk mereka berkomunikasi? Untuk menjawab persoalan ini, ahli sains telah membuat kesimpulan bahawa ternyata dari sudut anatomi tidak dapat dibuktikan kebolehan berbahasa setara manusia. Ternyata tiada unsur genetik yang boleh dikaitkan dengan kebolehan berbahasa, ahli sains tidak dapat menggunakan FOXP2 gen yang boleh dikaitkan dengan kebolehan berbahasa ke atas Homo Erektus (Emma

Groeneveld, 2017, Jan 18). Ini juga telah berlaku kepada Homo Neanderthals dan Homo Denisovana (ia tergolong di dalam kumpulan Homo Erektus) yang agak hampir sama dengan bentuk fizikal Homo Sapiens. Sekiranya kenyataan ini tepat maka ternyata Homo Sapiens adalah manusia yang sebenar tanpa ragu-ragu. Ini kerana kebolehan berbahasa sahaja bukti yang telah dicipta oleh Allah SWT untuk membezakan di antara manusia dan binatang atau yang mewakilinya. Ahli-ahli bahasa amat jelas tentang unsur ini samada dari sudut pendapat Barat atau Islam. Di sini jelas sekali bahawa Aristotle, Sibawayh, Ibn Faris, Ibn Jinni, Humboldt, Rene Descartes dan Chomsky merupakan ahli falsafah Bahasa yang telah diiktiraf oleh dunia barat dan Islam. Teori-teori bahasa yang dikemukakan oleh mereka itu tepat dan diterima umum. Sebagaimana yang telah disebut oleh Rene Descarte (1955: 116-117) di dalam bukunya *'The Philosophy Works of Descartes'*:

'For we can easily understand machine's being constituted so that it can utter words, can even emit some responses to action on it of a corporeal kind, which brings about a change in its organs; for instance if it is touched in a particular part it may ask what we wish to say to it; if in another part it may ex-claim that it is being hurt, and so on. But it never hamsens that it arranges its speech in various ways, in order to reply amspropriatly to everything that may be said in its presence, as even the lowest type of man can do'.

(kita dapat mengendalikan dan memahami mesin dengan mudah kerana ia telah terbentuk hasil dari sistem yang telah yang dibentuk terlebih awal iaitu hasil dari pengawalan dari manusia. Bahkan terdapat beberapa tindak balas dari sudut jasmani, yang membawa perubahan pada organ-organnya; Contohnya jika ia disentuh di bahagian tertentu, ia mungkin bertanya apa yang kita ingin katakan kepadanya; Jika di bahagian lain ia boleh mendakwa bahawa ia sedang sakit, dan sebagainya. Tetapi dari sudut berbahasa secara tabienya tidak pernah berlaku kepada mesin atau alat teknikal, ini kerana pertuturanya telah diatur atau telah diprogramkan dalam pelbagai

cara sebagai contoh mampu menjawab persoalan dengan tepat tanpa ragu-ragu atau disebut pengaruh emosi seperti takut, bimbang dan sebagainya terhadap sesuatu yang dikehendaki oleh pembuat sistem atau mesin itu. Jika inilah yang dikatakan kebolehan berbahasa terhadap mesin maka ianya tidak tepat kerana manusia yang paling bodoh pun dapat melakukannya).

Kenyataan Descarte ini seolah-olah telah disokong oleh Humbolt (Ibid, ms 117) di mana beliau berpendapat bahawa bahasa yang dimiliki oleh manusia berada di luar pengawasan atau kawalan. Ini bermakna seseorang itu bebas berbahasa tanpa dikawal oleh pihak ketiga: *'Under the condition of freedom from external control'* (Di dalam keadaan bebas dari kawalan luaran). Selain itu beliau telah mengaitkan keadaan ini dengan kebolehan berfikir yang telah dikemukakan oleh manusia (Noam Chomsky, 1968, ms 19-28). *As a means of thought and self-expression rather than as an animal like functional communication system* (Bahasa merupakan alat pemikiran dan ekspresi diri yang berbeza dari haiwan di dalam sistem berkomunikasi).

Dalam erti kata yang lain bahawa fikiran (*mental*) dan emosi (*self-expression*) itu sesuatu yang unik yang hanya dimiliki oleh manusia, yang mana fungsi ini tidak terdapat di dalam sistem komunikasi selain manusia. Perkara ini pernah disebut oleh Noam Chomsky di mana organ penerimaan dan penghantaran bahasa merupakan organ yang wujud bagi setiap makhluk yang bernama 'manusia'. Ini jelas sekiranya ia separa atau 99% adalah manusia maka kita dapat membuat kesimpulan bahawa ia masih bukan 'Homo Sapiens' bahkan Homo Erektus yang berkemungkinan dari jenis Homo Neanderthal atau Homo Denisovans!

Manakala kejadian *homo sapien* ini menurut ahli sains merujuk kepada kejadian Adam A.S. dan anak cucunya. Apabila Adam diturunkan ke dunia, baginda dan Hawa telah diajarkan oleh para Malaikat cara untuk melalui kehidupan di dunia termasuk cara berpakaian, berkeluarga

serta cara menyediakan makanan. Kitab-kitab tafsir banyak mengisahkan kisah antara Adam A.S. dan isterinya Hawa yang telah dihukum oleh Allah kerana termakan hasutan syaitan lalu memakan buah dari pohon terlarang di syurga. Menurut Ibnu Kathir (1997, jilid 1: 237), Adam telah diturunkan di India, di sebuah tempat yang dikenali sebagai Wassim yang terletak di Lembah Bahil, berkedudukan di antara Ad-Dahnaj dan Al-Mandal. Manakala Hawa pula diturunkan di Mekah. Ibnu Abbas pula berpendapat bahawa Adam A.S. diturunkan di Dihna yang terletak di antara Mekah dan Taif (Ibnu Kathir, jilid 1: 237). Hassan Al-Basri bagaimanapun berpendapat bahawa Adam telah diturunkan di India, Hawa di tanah Arab, manakala Iblis pula di bumi Iraq dan ular yang ada bersama mereka di syurga diturunkan di Isfahan, Iran. Abu Musa Al-Ashaari, dari aliran al-mutakalim percaya bahawa sebelum Adam diturunkan ke dunia, baginda telah diajarkan berbagai-bagai Bahasa sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝۳۱ قَالُوا سُبْحٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ۝۳۲ قَالَ يَا آدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ۝۳۳﴾ [سورة البقرة: 31-33]

Maksudnya: Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!". Mereka menjawab: "Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana." Allah berfirman: "Hai Adam, beritahukanlah kepada mereka nama-nama benda ini." Maka setelah diberitahukannya kepada mereka nama-nama benda itu, Allah berfirman: "Bukankah sudah Ku katakan kepadamu, bahwa sesungguhnya Aku mengetahui rahsia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?"

Walau bagaimanapun, telah dipersetujui oleh para ulama bahawa pertemuan antara Adam A.S. dan isterinya Hawa terjadi di Padang `Arafah. Persoalan tentang bahasa apakah yang dipertuturkan oleh Adam A.S. ketika di syurga masih tidak mempunyai jawapan yang tepat dan saintifik. Namun begitu, huraian dan hujahan tentang bahasa Semitik melalui kesan-kesan yang telah ditemui oleh pakar mungkin boleh membantu dalam memberi petunjuk bagi menjawab persoalan ini, memandangkan bahasa Semitik yang sebenar masih jauh lagi dari peradaban dan kewujudannya pada ketika itu. Sebahagian dari para Orientalis percaya bahawa bahasa Arab fushah merupakan induk (asal) kepada bahasa-bahasa Semitik yang lain, berdasarkan kepada dalil bahawa bahasa ini mewakili keseluruhan laras bahasa-bahasa Semitik yang lain. Tambahan pula, bahasa Arab fushah ternyata masih digunakan dan dikaji sehingga sekarang, berbanding dengan kebanyakan bahasa-bahasa lain di bawah kumpulan yang sama, yang telah pupus dan tidak digunakan lagi seperti Bahasa Akkadi, Aramaik, Phoenician, Assyuria, Siryani dan Kildani. Para ulama Islam terutamanya telah pergi lebih jauh dalam membuktikan teori mereka bahawa bahasa yang dipertuturkan oleh Adam A.S. ialah bahasa Arab fushah.

Penulis berpendapat melihat bahawa pembuktian ini tidak ada pengakhirannya kerana selain dari ulama Islam, ahli kitab dan cendekiawan-cendekiawan agama Yahudi dan Nasrani pula cuba untuk membuktikan bahawa bahasa yang dipertuturkan oleh Adam A.S. adalah bahasa Siryani atau Ibrani atau lebih dikenali sebagai Hebrew. Walaupun perbahasan ini dilihat tidak lebih dari kajian-kajian yang dijalankan bagi membuktikan bahasa asal kepada sebuah kumpulan bahasa, Profesor Jawad Ali dalam bukunya *al-Mufassal fi Tarikh al-`Arab qabl al-Islam* percaya kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Yahudi dan Nasrani dalam pembuktian mereka adalah berat sebelah.

Perkaitan Bahasa, Keturunan dan Alam Melayu

Bahasa Melayu merupakan sejumlah bahasa yang mendominasi rumpun Austronesia (Asmah Omar, 2015: 3)¹. Bahasa-bahasa tersebut menguasai sebahagian lautan dan tanah besar. Ia terentang dari kawasan pergunungan Taiwan, turun ke Selatan hingga ke New Zealand. Manakala dari Madagaskar hingga ke Pulau Easter di Lautan Pasifik (2015: 13). Justeru, Bahasa Melayu dikenali sebagai keanggotaan di dalam rumpun Austronesia. Ia mempunyai perkaitan dengan bahasa-bahasa di Lautan Pasifik seperti bahas Hawaii, Samoa, Fiji dan Moari, begitu juga dengan bahasa Malagasi di Madagaskar dan bahasa-bahasa lain yang terdapat di pergunungan Taiwan. Bahasa-bahasa ini dianggarkan 1500 dan 2000. Ini disebabkan sebahagian bahasa-bahasa ini belum dikaji, menyebabkan agak sukar untuk menentukan yang mana bahasa dan dialek (Asmah Omar, 2015: 2). Selain itu terdapat teori lain yang berpendapat bahawa bahasa-bahasa Austronesia ini telah merebak penyebarannya ke rumpun-rumpun yang lain seperti Indo-Eropah, Sino-Tibet atau rumpun Austroasia yang terdiri dari bahasa Munda, Mon-Khmer, Nicobar, Assam-Khasi dan bahasa-bahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia (2015: 2). Apakah yang dimaksudkan dengan rumpun? Asmah Omar dalam Ensiklopedia Bahasa Melayu telah mentakrifkan `rumpun` merupakan kumpulan bahasa yang bersumberkan bahasa-bahasa Austronesia. Sumber ini adalah bahasa awal, yang dinamakan bahasa proto yang telah wujud kira-kira 5000 tahun lalu. Anggaran ahli sejarah linguistik tempoh sesuatu rumpun mampu menyebarkan bunyi, susunan kosa kata dan perubahan dasar kata mengambil masa 2500 hingga 5000 tahun. Oleh itu, ahli sejarah linguistik cuba mengaitkan rumpun Austronesia dan rumpun Austroasia. Di mana kedua-dua rumpun ini dikatakan berasal dari nenek moyang yang sama atau dikenali sebagai *filum Austrik* (2015: 3).

¹ Kata Austronesia berasal daripada bahasa Yunani kuno yang bermaksud pulau-pulau selatan. yakni selatan benua Asia. Sebelum nama Austronesia dipopularkan mulai akhir abad ke 19, rumpun ini dikenali sebagai `Melayu Polinesia` yang tidak termasuk bahasa-bahasa di kawasan pergunungan Taiwan (yang dikenali juga sebagai bahasa Formosa) menjelang akhir abad ke 20.

Terdapat beberapa teori mengapa ahli linguistik sejarah yang cuba mengenegahkan asal-usul migrasi orang-orang Austronesia dari tanah asal moyang mereka. Antaranya teori yang berpendapat pergerakan migrasi ini berlaku dari utara ke selatan, iaitu dari daratan China ke pergunungan Taiwan. Namun ada pula yang berpendapat migrasi ini telah menyusuri pantai China Selatan dengan melalui Vietnam, Kemboja, pantai Teluk Siam dan melalui Semenanjung Tanah Melayu dan seterusnya migrasi telah bertebaran ke pulau-pulau selatan. Dari situ, maka bermulalah pelbagai migrasi ke timur dan barat seperti ke Madagaskar (2015: 10).

Teori-teori yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan bahawa ahli linguistik sejarah masih lagi tidak dapat mencapai kata sepakat tentang asal usul bangsa Austronesia dan bahasa mereka. Ini terjadi kerana teori yang dikemukakan masih kabur kerana tidak berpaksikan kepada dasar asal usul keturunan manusia itu sendiri. Justeru, penulis telah merakamkan beberapa isu yang dianggap primer di peringkat awal penulisan makalah ini apabila menceritakan asal usul bahasa dan keturunan manusia.

Migrasi Bangsa Mesopotamia Dan Perkaitan Dengan Nusantara Serta Rumpum Bahasa Melayu

Hakikatnya, Dunia Melayu kaya dengan sejarah dan sasteranya. Penggunaan tulisan Sanskrit merupakan bentuk penyampaian yang terawal yang dijumpai oleh para ahli linguistik sejarah. Penemuan lima batu bersurat di Sumatera Selatan (Pulau Bangka iaitu di Kota Kapur, Kedukan Bukit, Telaga Batu, Talang Tuwo dan Karang Berahi). Kelima-lima batu bersurat ini dipamerkan di Museum Nasional Jakarta (2015: 19). Namun begitu, para ahli linguistik sejarah telah berbeza pendapat tentang tarikh wujudnya batu-batu bersurat tersebut. Persetujuan umum yang telah disepakati untuk batu bersurat Kedukan Bukit yang dianggap terawal bertarikh 682 Masehi iaitu pada kurun yang ke 7. Ahli Sejarah bersependapat bahawa penceritaan di atas batu bersurat ini berkisar tentang perjalanan raja-raja yang memerintah dan undang-undang yang dilaksanakan pada ketika itu. Jika diamati tarikh yang ke 7 Masehi ini merupakan

kerangka masa pemerintahan Kerajaan Srivijaya. Maka ahli-ahli sejarah beranggapan bahawa penceritaan di dalam batu-batu bersurat ini berkisar cerita dan kisah Kerajaan Srivijaya (2015:19). Ternyata tulisan yang digunakan adalah tulisan Pallava yang berasal dari selatan India. Terdapat ungkapan-ungkapan Sanskrit yang kebanyakan bahasa ini berpaksikan kepada pengaruh agama Buddha Mahayana yang merupakan agama orang-orang di Sumatera Selatan pada ketika itu. Antara yang menarik perhatian tentang batu-batu bersurat ini perkataan `siddhayatra` yang bermaksud perjalanan yang suci untuk mendapatkan kekuasaan. Selain itu perkataan-perkataan lain yang digunakan adalah seperti *vihara*(bihara), *parashaksu* (pengintip), *drohaka*(derhaka), *ywaraja*(raja muda), *rajaputra*(putra raja), *danda*(denda), *vaniaga*(peniaga), *bhakti*(bakti) dan selainnya(2015:19). Perkataan-perkataan ini telah menggambarkan pemerintahan beraja dan hubungan sosial pada ketika itu.

Apa yang menarik di sini adalah penggunaan bahasa Sanskrit – yang pada pendapat penulis – merupakan langkah besar untuk membuat kesimpulan tentang teori asal usul migrasi Austronesia ke Dunia sebelah Timur dan ke Madagaskar yang mewakili Dunia sebelah Barat. H.G. Wells di dalam bukunya `The Outline of History` telah menyebut di antara kumpulan besar `the languages of Mankind` adalah dari `Aryan family` yang terdiri dari seluruh bahasa bangsa Eropah (Inggeris, Perancis, German, Sepanyol, Itali, Greek, Russia, Armenia), manakala Asia pula diwakili oleh Parsi dan sebahagian besar bahasa-bahasa yang dipertuturkan oleh orang-orang di lembah Indus atau lebih dikenali sebagai India (H.G. Wells, 1956, Jilid 1: 118). Golongan Aryan ini telah menggunakan bentuk sintaksis yang sama seperti Inggeris `father, mother`, German `vater, mutter`, Latin `pater, mater, Greek `pater, meter` Perancis `pere, mere`, Armenia `hair, mair`, Sanskrit `pitar, mater` dan sebagainya. Persamaan yang terdapat adalah penggunaan huruf f, p, v, h dan m apabila berlaku pertukaran geografi namun konsep sebutan masih agak sama. Beliau berpendapat migrasi keturunan Aryan ini telah berlaku lebih kurang 8000 tahun dahulu atau kemungkinan lebih dari itu (ms 118). Sekiranya

dakwaannya Profesor H.G. Wells ini benar maka sebelum banjir besar Nabi Nuh sudah berlaku penghijrahan manusia. Ini kerana penemuan sisa kapal Nabi Nuh² oleh Ron Wyatt pada 1977 dan ahli-ahli Sains Turki dan China pada 2010 (<https://moeflich.wordpress.com/2007/11/24/perahu-nabi-nuh-ditemukan/>). Kenyataan ini ada benarnya kerana migrasi manusia ini juga telah berlaku di Asia Selatan sebagaimana penemuan-penemuan terawal manusia purba sudah wujud antaranya `Perak Man` begitu juga kesan-kesan sejarah terawal Lembah Bujang yang dipercayai merupakan laluan utama untuk menghubungkan India dan China. Perlu diingat bahawa orang-orang Aryan atau disebut sebagai orang-orang Aari di dalam bahasa Arab. Mereka ini berasal dari pergunungan Afghanistan, Pakistan, Parsi dan India di mana mereka ini adalah penganut Agama Buddha dan Hindu. Pada ketika itu tidak ada persempadanan untuk membezakan samada orang-orang Aryan ini berasal dari persempadanan Afghanistan, Pakistan, Parsi atau India³. Justeru, ahli sejarah telah membuat kesimpulan bahawa asal usul Bangsa Aryan ini adalah dari pergunungan Afghanistan, Pakistan Parsi dan India dan bahasa yang digunakan adalah Bahasa Aryan yang terdiri dari sebutan dan tulisan Bahasa Sanskrit (<https://www.britannica.com/topic/Indo-Aryan-languages>, <http://www.iranicaonline.org/articles/aryans>).

Mereka ini telah melakukan penghijrahan atau migrasi terawal ke barat, timur dan selatan termasuklah Asia Tenggara. Dipercayai golongan yang memasuki Asia Selatan dan seterusnya Asia Tenggara adalah bangsa Aryan yang berasal dari India atau disebut sebagai Lembah Indus. Hasil dari migrasi ini maka tersebarlah Agama Buddha dan Hindu di Asia Tenggara melalui tulisan-tulisan Sanskrit yang dipercayai adalah bahasa kitab-kitab suci Agama Buddha dan Hindu. Penelitian ini telah dibuktikan dengan kewujudan Kerajaan Srivijaya di Sumatera dan Kerajaan Majapahit di Tanah Jawa, Indonesia. Untuk mengukuhkan lagi hubungan antara

² Di pergunungan Ararat sebagaimana yang disebut di dalam Bible dan di Bukit Judi sebagaimana yang disebut oleh Al-Quran Perbezaan pendapat di sebabkan perbazaan masa, ummah dan dialek.

³ Sila lihat sejarah Mohenjo Daro dan Harrapa.

lembah Indus, Mesopotamia dan Asia tenggara Mattiebelle Gittinger dalam bukunya ` *Master Dyers to the World: Technique and Trade in Early Indian Dyed Cotton Textiles*` (Lynda Shaffer, 1994: 2)⁴ telah menyebut bahawa pada tahun 2300 sebelum Masehi penduduk lembah Indus memulakan teknik mewarna kain kapas. Perusahaan ini telah mendapat sambutan sehinggakan dieksport ke bahagian lain seperti Mesir, Eropah, Mesopotamia dan Asia tenggara. Selain itu, Paul Wheatley di dalam bukunya ` *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500*` (1994: 3)⁵ telah menyebut bahawa di akhir pemerintahan Mauryan Empire sekitar 321-185 sebelum Masehi Siberia telah menjadi sumber emas utama India namun terdapat halangan golongan nomad di Asia tengah yang mengganggu proses penghantaran emas ke lembah Indus ini. Maka pelaut-pelaut dari India ini cuba mengalih pencarian sumber emas ini ke Semenanjung Melayu dan pulau-pulau kecil sekitar di Indonesia. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan *bullion* (emas padu atau emas dalam bentuk batangan) yang biasanya dibuat oleh orang-orang India dan Arab. Hasil dari pertukaran tempat mencari sumber emas oleh pelaut-pelaut India ini, maka laluan perairan di Asia Tenggara telah menjadi perdagangan antarabangsa ketika itu. Justeru, dakwaan yang menyatakan bahawa pelayaran merupakan kemahiran yang dimiliki oleh bangsa Austronesia yang merangkumi Madagaskar dan Afrika Selatan sehingga ke Asia Tenggara boleh diterima akal.

Justeru, penulis berpendapat tarikh awal penemuan batu bersurat di Kedukan Bukit di Pulau Bangka Sumatera Selatan pada 682 Masehi iaitu bersamaan kurun yang ke 7 adalah agak baru.

⁴ Sila lihat Mattiebelle Gittinger, *Master Dyers to the World: Technique and Trade in Early Indian Dyed Cotton Textiles* (Washington, D.C.: Textile Museum, 1982), p. 19. For a discussion of the significance of cotton textiles in Indonesia, see Gittinger, *Splendid Symbols: Textiles and Tradition in Indonesia* (Washington, D.C.: Textile Museum, 1979). Dipetik dari *Journal of World History`Southernization`* by Lynda Shaffer, Vol. 5, No 1, 1994, University of Hawaii Press, ms. 2.

⁵ Sila lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500* (Westport, Conn.: Greenwood Press, 1973), p. 188. *Journal of World History`Southernization`* Vol. 5, No 1, 1994, ms 3.

Ini kerana kurun ke 7 merupakan zaman kegemilangan Islam, bermulanya zaman pemerintahan Khalifah ar-Rashidin yang diketuai oleh Abu Bakar as-Sidiq yang berpusat di Madinah. Persoalannya di manakah hubung kait Alam Nusantara dengan migrasi Mesopotamia sesudah Banjir Besar Nabi Nuh as? Seolah-olah Dunia Asia Selatan ini tidak ada pengaruh Agama Samawi langsung sebelum kurun ke 7 Masehi? Atau sejarah migrasi bangsa Austronesia ini sudah diubah? Agak tidak masuk akal sekiranya tidak ada pengaruh *tauhidic* ke atas Alam Nusantara sesudah Banjir Besar Nabi Nuh as? Persoalan-persoalan begini menjurus kepada penelitian terhadap beberapa maklumat sejarah Arab sebelum Islam. Profesor Jawad Ali di dalam bukunya *Al-Mufassal fī tārīkh al-ʿarab qabla alislām* telah menyebut bahawa Nabi Ibrahim as telah beristerikan Keturah sesudah kewafatan Siti Sarah (Genesis 25:1). Kenyataan yang telah dirakamkan oleh Bible dalam surah kejadian bahawa Ibrahim a.s telah menghantar anak-anak beliau yang bersama Keturah ini ke timur jauh telah menyokong tentang wujudnya generasi nabi Ibrahim a.s di timur *Abraham gave presents to the children of his concubines and sent them away eastward to Kedem country, out of Isaac`s way`* (Genesis 25:1, 5-6). Sesuatu yang menarik tentang Keturah ini beliau berasal dari timur jauh ada yang mengatakan beliau berasal dari Campa⁶. Kenyataan ini ada benarnya kerana nama Keturah ini adalah gelaran dari ahli Kitab yang berbangsa Yahudi terhadap beliau. Kebanyakkan mereka ini merupakan penulis perjanjian lama dan perjanjian baru. Jika diterjemahkan perkataan Keturah ini ke dalam bahasa Arab adalah البخور ia bermaksud `Kayu Gaharu` (Jawad Ali 1976: 448).

Jika ini benar, bermakna sebelum penemuan batu bersurat di Pulau Bangka Sumatera Selatan pada kurun yang ke 7 Masehi bukanlah bukti yang menunjukkan bahawa konsep *tauhidic* tidak wujud di Alam Nusantara sebelum itu. Ini kerana sudah ada perhubungan antarabangsa di

⁶ Dikenali sebagai Nha trang. Sila lihat <https://www.britannica.com/place/Champa-ancient-kingdom-Indochina> , https://en.wikipedia.org/wiki/Nha_Trang

antara Mesopotamia (iaitu zaman Nabi Ibrahim as) dan Timur jauh sekiranya sejarah Keturah ini digunapakai. Dipercayai zuriat hasil dari perkahwinan nabi Ibrahim as dan Keturah ini dikurniakan enam orang putra. Nama-nama putra ini telah disebut di dalam perjanjian lama (Genesis 25:2-4). Kenyataan ini seolah-olah disokong oleh Profesor Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh bahawa penghijrahan moyang rumpun Melayu ke alam Melayu dipercayai berlaku secara langsung dari wilayah bumi asal mereka, iaitu di Asia Barat bermula puluhan ribu tahun lalu (Berita Harian 17 Januari 2013 ms 34). Namun beliau percaya kajian tersebut masih belum muktamad dan memerlukan kajian lanjutan. Walaupun demikian beliau percaya bahawa kajian yang dilakukan oleh Profesor Stephen Oppenheimer di dalam buku *Eden in the East* dan begitu juga karangan Profesor Aryso Nunes Dos Santos di dalam bukunya *The Lost Continent Finally Found* dan *The Definitive Localisation of Palto's Lost Civilisation* merupakan benua Sunda yang telah tenggelam di Alam Melayu di mana mempunyai tamadun yang tinggi (Berita Harian 17 Januari 2013 ms 35). Penulis berpendapat kenyataan ini ada asasnya memandangkan penghijrahan manusia terawal ke timur jauh telah bermula sekitar 8000 tahun sebelum Masehi. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan Homo Sapiens yang telah mendiami beberapa kawasan di muka bumi ini. Kebanyakan ahli sejarah percaya bahawa rumpun Melayu ini gemar menetap dipergunungan dan melakukan aktiviti harian seperti kehidupan normal bangsa lain yang suka menetap di gunung-gunang untuk bertani seperti padi dan barli selain itu mereka juga pelaut dan pelayar yang handal. Suasana ini telah dirakamkan oleh beberapa buku-buku sastera klasik Melayu yang dianggap lagenda antaranya Sulalatus Salatin, Misa Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa dan lain-lainnya. Tanpa menafikan bahawa khazanah-khazanah Kesusasteraan Klasik ini telah membuktikan bahawa terdapat unsur *tauhidic* di Alam Nusantara sebelum munculnya Kerajaan Srivijaya dan Kerajaan Majapahit.

Penutup

Hasil dari perbincangan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa teori migrasi Austronesia masih boleh diragukan. Begitu juga sekiranya pengaruh Bahasa Sanskrit yang menjadi bahasa suci bagi Agama Buddha dan Hindu di Alam Nusantara. Ini berdasarkan kepada penemuan lima batu bersurat di Sumatera Selatan dijadikan ukuran asas. Maka asal usul bahasa Melayu atau Rumpun Austronesia juga masih perlu dikaji dan diberi perhatian dari sudut autentiknyanya. Manakala sejarah Keturah dan kaitannya dengan Nabi Ibrahim a.s masih banyak kajian-kajian yang ilmiah perlu dibongkar. Diharap pihak yang berwajib dapat membuka ruang yang lebih luas untuk para pengkaji melakukan kajian-kajian ilmiah terhadap isu-isu yang disebutkan di atas. Ini kerana tanpa sokongan padu dari pihak pemerintah samada dalam bentuk kewan\gan atau geran dan pengurangan birokrasi di dalam sistem perhubungan, sudah pasti kajian-kajian ilmiah seperti ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Inshaallah.

Rujukkan:

Al-Quran

Aristotle, (1971). Aristotle`s Categories and De Interpretation, 16a26, translated by J.L.

Asmah Omar, (2015). Ensiklopedia Bahasa Melayu, Kuala Lumpur: DBP.

Berita Harian 17 Januari 2013 ms 34 & 35.

Bible, (1974). The Gideon International.

Bucaille, Maurice, (2002). The Bible, The Quran and The Science, Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

H.G. Wells, (1956), `The Outline of History`, New York: Garden City Books.

Ibn Jinni, (t.t). *Al-Khasais*, tahqiq Abdul Hakim Muhammad, Kaherah: al-Maktabah at-Taufiqiyyah.

Ibn Faris, as-Sahabi, (t.t). *Tahqiq As-Sayyid Ahmad Saqir*, Kaherah: Isa al-Bab Al-Halbi Sharikahu.

Ibn Kathīr, (1997). *Al-Bidāyah Wa-Nihāyah*, Damascus: Dār Ibn Kathīr, Vol. 2.

Ibn Kathir. (2003). *Stories of the prophets*, Riyadh: Darus Salam.

Noam Chomsky, (1976). *Syntactic Structures*, Paris: The Hague.

Jawād Alī, (1976). *Al-Mufasssal fī tāriḫ al-ʿarab qabla alislām*. Baghdad: Jāmiʿun Baghdad.

Lynda Shaffer, (1994). `Southernization` Journal of World History, Vol. 5, No 1, Hawaii: University of Hawaii Press.

Rene Descarte, (1955), `The Philosophy Works of Descartes`, terjemahan Haldane and Ross, New York: Dover Publications, Inc.

Sibawaih, (1999). *Al-Kitab*, Beirut: Dar Al-Kutub.

<https://www.britannica.com/place/Champa-ancient-kingdom-Indochina> ,

https://en.wikipedia.org/wiki/Nha_Trang

<https://www.britannica.com/topic/Indo-Aryan-languages>,

<http://www.iranicaonline.org/articles/aryans>

<https://moeflich.wordpress.com/2007/11/24/perahu-nabi-nuh-ditemukan/>

http://www.ancient.eu/Homo_Erectus//